

# Ekuinas agih keuntungan RM500j

SITI NURSYAHIDAH ABU BAKAR

**KUALA LUMPUR** - Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) akan mengagihkan RM500 juta daripada keuntungan syarikat untuk dikongsi dengan masyarakat Bumiputera.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pengagihan itu akan dibuat menerusi Yayasan Pelaburan Bumiputera bagi manfaat masyarakat Bumiputera yang memiliki unit amanah diuruskan Permodalan Nasional Berhad (PNB).

"PNB dipilih kerana mempunyai platform terbaik untuk membuat pengagihan dengan capaian paling luas merangkumi lebih 10 juta masyarakat Bumiputera memegang unit amanah di bawahnya.

"Pengagihan yang diterima PNB pula akan digunakan untuk disimpan dan membuat pelaburan lanjutan supaya jumlah ini akan berkembang lebih besar dan dinikmati pemenang unit Bumiputera secara mapan bagi jangka masa panjang," katanya ketika berucap di majlis peng-

agihan keuntungan Ekuinas kepada Yayasan Pelaburan Bumiputera/PNB di bangunan Parlimen, semalam.

Najib yang juga Penggerusi Yayasan Ekuiti Nasional berkata, pengagihan keuntungan Ekuinas membuktikan kejayaan strategi jangka panjang kerajaan untuk meningkatkan ekuiti Bumiputera menerusi model ekuiti persendirian.

"Inisiatif itu juga diharap berupaya menggalakkan budaya melabur dalam kalangan masyarakat Bumiputera selain memastikankekayaan Bumiputera dapat dipelihara dan berkembang," katanya.

Dalam pada itu, Najib berkata, Ekuinas telah mencatatkan prestasi kewangan dan sosial yang konsisten sejak ditubuhkan pada 2009.

"Dana pertama Ekuinas mencatat pulangan kasar portfolio sebanyak RM655.9 juta bersamaan kadar pulangan dalaman kasar tahunan sebanyak 25.5 peratus yang melebihi sasaran pulangan jangka panjang minimum 12 peratus dan sasaran aspirasi 20 peratus," katanya.



Najib (tengah) menyaksikan pengagihan keuntungan Ekuinas oleh Penggerusi Ekuinas, Tan Sri Raja Arshad Raja Tun Uda (dua, kiri) kepada Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Tan Sri Hamad Kama Piah pada Majlis Pengagihan Keuntungan Ekuinas Menerusi PNB, semalam.